

**Parlimen: Kerajaan Disaran Perkenal Sistem Demerit Untuk Pemandu Singapura  
Bernama  
28 Jun, 2012**

KUALA LUMPUR, 28 Jun (Bernama) -- Kerajaan disaran memperkenalkan sistem pemberian mata demerit terhadap pemandu-pemandu Singapura yang melakukan kesalahan jalan raya di negara ini.

Langkah ini untuk memastikan pemandu berkenaan sentiasa menghormati peraturan jalan raya dan undang-undang Malaysia.

Ketika membangkitkan perkara itu pada sidang Dewan Rakyat Khamis, Datuk Abdul Rahman Dahlan (Barisan Nasional-Kota Belud) berkata kebanyakan pemandu Singapura dilihat begitu menghormati undang-undang ketika berada di negara sendiri, tetapi lain kisahnya apabila berada di Malaysia.

"Mereka masuk ke negara kita dengan kereta berkuasa tinggi yang tidak boleh dipandu laju di Singapura, tetapi di Malaysia mereka pecut dengan tidak menghormati peraturan jalan raya di negara kita.

"Dia beri 'high beam' walaupun kita bawa 110-120 km/j, dia suruh kita ke tepi sebab dia nak pecut kereta 160km/j," katanya ketika membahaskan Rang Undang-Undang Pengangkutan Jalan (Pindaan) 2012.

Abdul Rahman turut mempersoalkan sikap agensi penguatkuasa tempatan yang disifatkannya sering 'berlembut' dengan pemandu-pemandu dari negara jiran itu.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=676656>